

28/07/2005

MAHATHIR-MYANMAR

KEPUTUSAN MYANMAR TOLAK JAWATAN Pengerusi Tunjuk Kepekaannya Kepada Negara Lain

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata keputusan Myanmar menolak jawatan pengerusi Asean tahun depan menunjukkan bahawa ia peka kepada pemikiran negara-negara anggota lain perkumpulan itu.

Myanmar pada Selasa lalu mengumumkan bahawa ia menolak jawatan pengerusi Asean apabila sampai gilirannya pada tahun depan.

Langkah itu adalah untuk mengelakkan potensi ketidakselesaian diplomatik kepada perkumpulan 10 anggota itu berikutan isyarat dari Barat bahawa hubungan erat dengan perkumpulan itu akan tergugat sekiranya Myanmar mengambil alih jawatan pengerusi itu yang dijadualkan tahun depan.

Penggal pengerusian Asean dipegang oleh negara anggota mengikut urutan abjad.

Bantahan kepada Myanmar adalah disebabkan tuduhan bahawa kerajaan tenteranya telah melakukan pencabulan hak asasi manusia ke atas rakyatnya serta pemimpin pembangkang Aung San Suu Kyi di mana ianya bercanggah dengan prinsip-prinsip demokrasi.

"Amat malang bagi Aung San Suu Kyi, beliau terpaksa berdepan dengan ini untuk tempoh yang lama tetapi perubahan perlu dilakukan dengan perlahan jika sekiranya ia tidak terlalu mengganggu," kata Dr Mahathir.

"Saya tidak percaya demokrasi adalah satu sistem yang sempurna. Ia tidak menyelesaikan semua masalah," kata pada satu forum bertajuk "Malaysia dalam Cabaran Asia, Tindak Balas dan Peluang" di Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Ketiga, di sini.

"Kita perlu menggesa Myanmar mungkin untuk terima pakai secara perlahan-lahan tahap demokrasi yang lebih tinggi," kata Dr Mahathir.

Bagaimanapun, beliau menegaskan sukar untuk mendesak kerajaan mengguna pakai demokrasi kerana mereka bimbang tindakan balas yang ganas memandangkan dari segi sejarahnya, beberapa diktator sebelum ini yang membenarkan demokrasi berakhir dengan dihumban ke dalam penjara atau dihukum mati.

Dr Mahathir berkata dalam usaha untuk mendesak kerajaan Myanmar menerima demokrasi, beliau malahan telah membawa pegawai-pegawai mereka ke Malaysia untuk menyaksikan dengan sendiri bahawa demokrasi tidak akan menjejaskan seseorang pemimpin. -- BERNAMA

MAD SD ZK